



Tahun 1. No. 18	DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DUA KALI SABULAN	1 NOVEMBER, 1956.
-----------------	--	-------------------

PEMBUKAAN BANGUNAN2 BAHARU SEKOLAH2 MELAYU

"PELAJARAN - PENDIDIKAN SHARAT YANG MUSTAHAK BAGI FAEDAH
KEHIDUPAN MASHARAKAT" - DYMM SULTAN

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN, Sir Omar Ali Saifuddin telah menyempornakan pembukaan rasmi 5 buah bangunan2 baharu Sekolah2 Melayu di Daerah2 Brunei, Tutong dan Kuala Belait pada bulan October yang lalu dan 2 buah lagi bangunan2 baharu Sekolah2 Melayu pada bulan November ini.

Pada pagi hari Sabtu 27 October, Baginda telah membuka bangunan2 baharu Sekolah Melayu Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang (bekas Sekolah Melayu Kupang); dan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong (bekas Sekolah Melayu Bukit Bendera). Pada hari Ahad 28 October, Baginda telah membuka bangunan baharu Sekolah Melayu Sungei Liang, Daerah Belait; manakala pada hari Ithnin 29 October, Baginda telah membuka bangunan baharu Sekolah Melayu Datu Gandhi dan Batu Marang, Daerah Brunei; serta bangunan2 baharu Sekolah2 Melayu Layong dan Rambai, Daerah Tutong pada hari Sabtu 3 November, 1956.

Ketika memberi ucapan diMajlis2 tersebut, Baginda telah menegaskan bahawa, "Pelajaran dan pendidekan adalah satu syarat yang sangat mustahak, baik pun bagi faedah kehidupan persaorangan, bagi kaum keluarga, mau pun bagi faedah bangsa dan bangsa-bangsa, seraya berharap bahawa bangunan2 baharu Sekolah2 yang chantek itu akan dapat mengeluarkan beneh2 Melayu yang baik dan subor!".

Kapada kanak2 yang sedang dan akan belajar diSekolah2 tersebut, Baginda berharap supaya kanak2 itu akan belajar rajin2 dan bersungguh2 menerima pengajaran yang diajarkan oleh Guru2 mereka, dan menasihatkan kapada kanak2 itu, "Ta'atilah dan berbudi bahasa yang baiklah kamu pada kawan2 kamu yang tertua daripada kamu, pada semua Guru2 kamu, pada ibu bapa kamu dan sanak saudara kamu.

"Dengan perasaan rajin belajar, kamu akan mendapat berbagai2 Ilmu pengetahuan, dan itu akan mendatangkan kebajikan bagi kamu pada masa kamu besar nanti. Tetapi yang saya harap benar2, selain dari kamu rajin2 menuntut pelajaran guna faedah hidup kamu yang akan datang, maka yang lebeh2 mustahak dari samasa kamu kanak2 ini lagi, mahulah kamu melateh diri kamu berperasa'an ta'at dan mengikut atas segala ajaran Guru2 kamu yang baik, pada kawan2 kamu yang lebeh tua, pada ibu bapa kamu dan Guru2 kamu, kerana dengan berbuat demikian kamu melateh diri kamu menjadi seorang manusia yang berperangai baik dan budi pekerti yang halus.

"Ingatilah benar2, kamulah kanak2 yang ada m^{rh} ini akan menjadi pemuda2 dan pemudi2 Bangsa Melayu yang ake^{nu} datang, dan kamulah yang akan ...

kamulah yang akan bertanggung jawab bagi memajukan dan mengharumkan nama Negeri Brunei.

" Jika kamu mulai dari kechil lagi melateh diri berperilaku bahasa yang halus, berbudi perangai yang baik, ta'dapat tidak Brunei yang akan datang lebeh2 banyak mempunyai penduduk2 yang halus budi bahasanya dan berperangai yang baik.

" Berbudi bahasa dan berperangai yang baik itu adalah menunjukkan Bangsa itu tinggi kutu kehidupan dan adab tertibnya. Semuanya itu adalah menjadi chermis perbandingan bangsa2 yang sudah bertamaddun. Kasar dan kurang adab, bahasa dan perangai kita adalah menunjukkan kehidupan bangsa kita ".

BAHASA MENUNJOKKAN BANGSA

Selanjutnya Duli Yang Maha Mulia Sultan menasehatkan kepada kanak2 sekolah tersebut bahawa, "Guru2 kamu, saya perchaya selalu mengajar dan menyebut-nyebut, 'BAHASA ITU MENUNJOKKAN BANGSA', tunjukkanlah kepada orang lain bahawasanya, walau pun kamu maseh kanak2 lagi, tetapi kamu juga pandai dan mempunyai budi bahasa yang baik, yang menunjukkan kamu warith bangsa Melayu yang bersopan santun ".

Terhadap ibu bapa pula, Baginda berseru supaya mereka sakalian, "Pimpinlah, tunjok ajarilah, anak2 tuan2 supaya mereka jangan tertinggal dibelakang. Melateh anak2, memberi pengajaran dunia dan akhirat, melateh mereka berperangai baik, menjaga kesihatan dan keselamatan, adalah kewajipan kita sebagai saorang bapa atau ibu yang tahukan kewajipan dan tanggungan kita mempunyai anak ".

Kapada Guru2 sakalian, Duli Yang Maha Mulia Sultan berharap supaya mereka tunaikanlah kewajipan masing2 dengan ikhlas dan dengan mengikut peratoran2 yang diberi oleh Pejabat Pelajaran. Mudah2an dengan kerjasama antara Guru2 dan ibu2 bapa kanak2, tegas Baginda, maka pelajaran dan kemajuan2 diSekolah2 diNegeri ini akan bertambah2 baik dan terator serta akan menchapai kejayaan yang memuaskan.

Dibawah ini kita siarkan patis ucapan2 yang telah dilafadzkan diupachara2 istiadat pembukaan rasmi bangunan2 baharu Sekolah2 Melayu tersebut.

Che' Gu Abdul Wahab bin Mohamed, Guru Besar Sekolah Melayu Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang, ketika memberi ucapan berkata, "Daulat Tuanku, dengan mengucapkan satinggi2 keshukoran kahadzrat Tohan yang maha pengaseh dan penyayang kepada sakalian hambanya, kerana dengan limpah rahmatnya, bahawa pada hari ini telah selamat dan sempornalah pembukaan rasmi Sekolah diKampung ini yang dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

" Patek2 sakalian diKampung ini a'amnya mengucapkan beribu2 shukor kahadzrat Tohan Rabul'alamina kerana dengan limpah kemurahan Duli Tuanku berangkat dan berchemar duli Tuanku bagi menyempornakan pembukaan Sekolah yang tersebut. Patek2 tidaklah dapat merupakan bagaimana rasa hati patek2 yang penoh dengan kesukaan bahawa pada hari ini ialah hari yang bersejarah - hari yang bertuah - hari yang penoh beruntung bagi patek2 diKampung ini.

" Pada hari ini juga termeterilah nama Sekolah ini kepada nama Sekolah Melayu Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang - saorang i. tua Kampung yang terkenal, iaitu dengan limpah kemurahan Duli Yang Maha Mulia, bagi memperkenankan diatas permohonan Jawatan Ketua Sekolah ini.

" Patek2 sebagai anak buahnya berasa megah, kerana patek2 ma'lom bahawa inilah ...

ma'lom bahawa inilah baharu sahaja nama Sekolah2 Melayu diNeberi ini yang bernamakan ketua kampongnya yang maseh ada didunia ini - ini adalah sejarah yang gilang gemilang bagi patek2 diKampong ini - maka patek2 menadah dua belah tangan kahadzrat Tohan Yang Maha Besar, dan memohonkan shafa'at Nabi Besar kita Muhammad S.A.W., serta menjunjung barmat daulat Duli Tuanku Yang Maha Mulia, semoga Sekolah ini akan mendapat benah yang baik buat faedah Negeri Brunei seluruhnya yang ta'at setia kapada Kerajaan Duli Tuanku, sebagai ra'ayat Negara Brunei yang penoh berisi dengan aman ".

Diantara uchapannya itu, Che' Gu Abdul Wahab berkata bahawa dengan hati yang tulus ikhlas, perlu jua beliau menyebut diMajlis tersebut, iaitu dengan kemurahan hati bekas Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. James Pearce, yang telah mempersetujukan penduduk2 diKampong Kupang itu bagi membangunkan Sekolah kajang yang lama dan juga memberi bantuan2 terhadap Sekolah kajang itu dan sebagainya.

Beliau juga menguchapkan terima kaseh atas kesudian pehak Jabatan Pelajaran Negeri yang telah memberi bantuan terhadap pembangunan bangunan yang baharu Sekolah tersebut serta juga bagi memperbaiki rumah2 Guru, sambil menguchapkan terima kaseh atas kedatangan Duli Yang Maha Mulia Sultan; Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Pemangku Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. P. Spicer; Pengetua Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei, Mr. James Pearce dll.

Che' Gu Abdul Wahab juga telah menguchapkan terima kaseh bagi pehak Guru2 dan penduduk2 diKampongnya kapada pehak Kerajaan Negeri ini atas pemberian minuman perchuma kapada murid2 diSekolahnya.

" Jadinya ". kata beliau lagi, "patek2 semua tiadalah apa-apa buat membalasnya, hanyalah patek2 sakalian berdo'a kahadzrat Tohan Rabul'alam, barang dilanjutkan usia Duli Tuanku selamat semporna kekal memerintah Negeri Brunei Darussalam ".

SEKOLAH BAHARU - LAMBANG MENUJU PEMBANGUNAN PELAJARAN

Pada masa dilakukan istiadat pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah Melayu Muda Hashim, Tjutong, satu ucapan bagi pehak Jawatan Kuasa Sekolah itu telah dilafadzkan oleh Inche' Ghazali bin Omar, dalam mana beliau telah menguchapkan satinggi2 terima kaseh diatas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi pehak Ahli2 Jawatan Kuasanya, kerana kesudian Baginda berchemar duli dalam Majlis pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah itu.

" Bagi pehak Jawatan Kuasa Sekolah Melayu Muda Hashim ini, adalah kami menyampaikan perasaan terima kaseh diatas kehadiran Tuan2 pada hari ini. Kami yakin, bahawa kita pada seluruhnya hari ini adalah berbangga kerana terdirinya Sekolah baharu ini, sebagai satu Lambang dalam menuju pembangunan pelajaran ra'ayat Negeri Duli Tuanku.

" Tidak lupa kami seluruhnya menyampaikan perasaan terima kaseh kami kapada Kerajaan yang telah berusaha dan mengambil berat diatas serba serbi dalam lapangan pelajaran ".

RAJA YANG SENTIASA MENGAMBIL BERAT

MENGENAI PELAJARAN RA'AYAT

Inche' Ghazali menyatakan lagi dalam uchapannya itu, "Untuk menchapai tujuan pembangunan yang dichita2 oleh tiap-tiap penduduk negara yang ramai dan ma'mor ini rasa shukor dan terima kaseh itu adalah terutama sekali kapada Duli Yang Maha Mulia sendiri, kerana Bagindalah saorang Raja yang sentiasa mengambil berat dalam hal urusan pelajaran ra'ayat dan Negeri ini.

" Jasa dan limpah ...

4

" Jasa dan limpah kurnia Duli Tuanku adalah menjadi satu Lambang kepada ra'ayat Duli Tuanku yang menchantai di Daerah ini, yang menchantai kedaulatan negara dibawah bimbingan Duli Tuanku ".

Mengenai kemajuan Sekolah tersebut, Inche' Ghazali menegaskan bahawa Jawatan Kuasa Sekolah itu rasa adalah terpulang kepada kebijaksanaan Guru2 yang ditugaskan sebagai pendidik anak2 penduduk di Kampongnya itu, kerana Guru2 adalah juga mengambil peranan yang penting dalam menuju so'al perkembangan Negeri ini.

SAMBUTAN HARI ULANGAN KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD DIBRUNEI

Beribu2 orang Islam telah mengambil bahagian dalam temasha perarakan2 yang telah dilakukan dengan sechara besar2an di Bandar Brunei dan di Kuala Belait pada hari Thalatha 16 October, 1956 dalam upacara sambutan Hari Ulangan Keputeraan Junjongan Kita Nabi Muhammad S.A.W.

Perarakan di Bandar Brunei telah diadakan dibawah anjoran Persatuan Kesatuan Islam, Brunei; dan perarakan di Kuala Belait telah diadakan dibawah anjoran Persatuan Ikhwanul Muslimin, Kuala Belait.

Perarakan di Kuala Belait telah dilakukan pada sabelah pagi hari tersebut, manakala perarakan di Bandar Brunei pada petang hari itu. Keadaan chuacha di Kuala Belait adalah panas belaka, sebalaknya di Bandar Brunei pula hujan telah turun dengan lebat pada masa perarakan itu sedang mengelilingi kawasan bandar ini. Meskipun begitu, beribu2 orang yang mengambil bahagian dalam perarakan di Bandar Brunei kelihatan riang dan gembira berbaris disepanjang jalan sambil menjalankan kewajipan masing2.

UPACHARA SAMBUTAN DIBANDAR BRUNEI

Sebanyak 41 pasokan2, terdiri dari pasokan2 Pejabat2 Kerajaan, Police, Kampong2, Murid2 Sekolah Lelaki dan Perempuan, Pasokan Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei dan lain2nya, telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Tiap-tiap pasokan itu telah mengusong pemedang2 ditulis dengan chogan2 yang bersesuaian dengan hari yang bersejarah itu. Ada juga pasokan2 yang telah mengusong chontoh bentok bangunan Masjid Bandar Brunei yang baharu yang sedang dibinakan dan sebagainya.

Sasudah pasokan2 itu, yang panjangnya kira2 sabatu, mengelilingi kawasan Bandar Brunei mulai dari Padang Bandar Brunei dan balek ka Padang itu, maka satu upacara memberi ucapan dan menyampaikan hadiah telah dilangsungkan di Padang tersebut dengan dihadziri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan; Wazir2 Yang Pertama dan Yang Kedua Negeri ini; Kathi Besar Negeri Brunei; Setia Usaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan; Juru Iring kepada Baginda dllnya.

Penerangan berkenaan dengan riwayat hidup Junjongan Kita Nabi Muhammad S.A.W., telah dilafadzkan oleh Setia Usaha Agong Jawatan Kuasa Sambutan hari yang bersejarah itu bagi Bandar Brunei, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Md. Daud.

Duli Yang Maha Mulia Sultan telah memberi satu titah yang menarek hati, memperingatkan hari Ulangan Keputeraan Junjongan Kita Nabi Muhammad, seraya menyatakan bahawa Baginda berasa sukachita melihat chogan2-kata yang dibawa oleh pasokan2 katemasha itu.

Keputusan peraduan2 perarakan.

ate.

h ...

Keputusan peraduan2 perarakan tersebut adalah seperti dibawah ini: Hadiah untuk pasokan yang terbaik sekali dan juga hadiah perisai Duli Yang Maha Mulia Sultan telah dimenangi oleh Pasokan Kampong Kianggeh. Hadiah yang kedua dimenangi oleh Pasokan Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei, dan hadiah yang ketiga dimenangi oleh Pasokan Kampong Lama.

Pasokan2 Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei dan Sekolah Melayu Sultan Muhammas Jemal-ul-Alam, Bandar Brunei Bahagian Lelaki telah bersama2 mendapat hadiah yang pertama, iaitu piala perak pusingan Pengiran Kerma Indra sebagai pasokan2 Sekolah2 yang terbaik sekali; diturut oleh Sekolah Melayu Laila Menchanai dan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemal-ul-Alam, Bahagian Perempuan.

Hadiah untuk chogan-kata yang terbaik sekali dimenangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemal-ul-Alam, Bahagian Lelaki dan Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Pasokan Police Bandar Brunei telah mendapat hadiah untuk pasokan yang terbaik sekali dalam bahagian berbaris; manakala hadiah untuk pasokan yang memakai pakaian sama yang terbaik sekali dimenangi oleh Pasokan Kampong Kiarong.

Segala hadiah2 tersebut telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

UPACHARA SAMBUTAN DIKUALA BELAIT

Sabagaimana diBandar Brunei, begitulah ramainya orang2 Islam yang tinggal diDaerah2 Kuala Belait dan Seria telah mengambil bahagian dalam perarakan sambutan Hari Ulangan Keputeraan Junjongan Kita Nabi Muhammad S.A.W., yang telah dilangsungkan diKuala Belait pada pagi hari Thalatha 16 October, 1956.

Adalah difahamkan bahawa perarakan sambutan Hari Ulangan Keputeraan Junjongan Kita bagi Daerah2 Kuala Belait dan Seria akan diadakan diSeria pada tahun hadapan dan pada tahun 1958 diKuala Belait, dan seterusnya bergilir2.

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam perarakan itu adalah terdiri dari Pasokan2 Pejabat Kerajaan; Pasokan Police Negeri Brunei dan Pasokan Police dari Malaya yang sedang berkhidmat diSeria; Murid2 Sekolah dan lain2nya.

Pasokan Nong Hadzrah dari Kuala Belait telah berjaya memenangi hadiah yang pertama dalam perarakan tersebut. Hadiah yang kedua dimenangi oleh Pejabat Kerja Raya, Sungei Liang; dan Pasokan Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait telah mendapat hadiah yang ketiga.

Hadiah2 telah disampaikan oleh Pegawai Daerah, Kuala Belait, Yang Mulia Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omarali selepas diadakan upacara perarakan tersebut, dalam mana sharahan dan bacaan Koran Alkarim telah diperdengarkan oleh beberapa orang, diantaranya ialah sharahan oleh Puan Zalinah Lawi. Tuan Imam Sharbini telah membaca Do'a Selamat didalam bahasa Melayu.

KERA'IAN DI S.O.A.S. COLLEGE

Murid2 Darjah2 Ugama diSultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei telah mengadakan satu Majlis Sambutan Hari Ulangan Keputeraan Nabi Muhammad diMaktab itu pada pagi hari Thalatha 16 October, 1956 dibawah kelolaan Guru Ugama Maktab itu, Che' Gu Abdul Rahman bin Haji Hashim.

Diantara yang hadir diMajlis itu ialah Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Pengetua Sultan Omar Ali Saifuddin College, Mr. L.A. Bradshaw dan lain2nya ...

dan lain2nya.

Uchapan2 telah dilafadzkan diMajlis tersebut oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Che' Gu Abdul Rahman bin Haji Hashim, Inche' Abdul Aziz bin Omar, dan Inche' Ali bin Daud; manakala bacaan Koran Alkarim telah diperdengarkan oleh Inche' Arpan bin Mohamed dan Jusnani binte Lawi.

JANGANLAH UMAT ISLAM MENJADI SAPERTI "SERIGALA BERBULU KAMBING" -

TITAH DYMM SULTAN

Duli Yang Maha Mulia Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah memberi satu ucapan yang menarek hati dihadapan beribu2 orang diPadang Bandar Brunei sabelum hadiah2 kapada pasokan2 yang mengambil bahagian dalam perarakan sambutan Hari Ulangan Keputeraan Junjongan Kita Nabi Muhammad disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha pada petang hari Thalatha 16 October, 1956.

Diantara titahnya, Baginda berkata bahawa dengan sempna hari menyambut kedzahiran Nabi yang kita lakukan dengan chara besar2an dan dengan penoh semangat Islam pada hari itu, mudah2an kita semua akan dibarkati Allah Ta'ala dan beramal dalam perkara kebajikan bagi menegakkan sinaran chahaya Islam untok kesejahteraan Umat Islam dan Negara serta Ra'ayat sakalian.

Baginda telah berseru supaya Umat Islam sakalian, "Bersatulah, bertulong2anlah, perkukohkanlah, dan berbaik2lah kita dalam ikatan suchi Ugama Islam. Mudah2an dengan persatuan yang kukoh yang bersendikan semangat Islam, keselamatan dan kebahagiaan chita2 kita akan tersusun dan terlaksanalah keinginan kita semua. Umat Islam, ingatlah satu ayat yang berbunyi, "Waktasimu bihablil-lahi jami'an wala tafaraque", ertinya, "Berpeganglah kamu dengan jalan Allah dan janganlah kamu berpechah belah".

Selanjutnya Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa tidaklah shak lagi yang Ugama Islam itu membawa kajalan kebahagiaan dan kesempornaan dan semangat Islam yang kukoh. Hanya sanya perasaan demikian tidak akan kukoh iman sasaorang jika mereka tidak mempe-lajari dan mendalamkan ajaran Ugama Islam.

Sasaorang yang bijak, cherdek, pitah berkata2, yang chuma tinggi dan bernilai dalam segi pengatahuan dunia adalah baik, tetapi adalah menjadi satu kekurangan yang mustahak baginya dalam menjalankan pekerjaan dan kerap kali mendatangkan kekeliruan dan kegelapan bagi mereka itu jika tidak dia menchintai dan mendalamkan ajaran Ugamanya, bagi kita ialah Ugama Islam.

Baginda juga telah memperingatkan kapada Umat Islam seluruhnya bahawa dengan tidak berdasarkan ajaran2 Ugama Islam, sasaorang itu kerap kali terpesong dan berlawanan dengan dasar Ugama. Oleh sebab perasaan takbor, ria, ujub dan dengki yang diperolehnya dari asohan perasaan yang tidak berdasarkan Ugama, kerap kali pula terdapat mereka itu saperti "SERIGALA BERBULU KAMBING".

Dengan perasaan takbor dan riannya, tegas Baginda, mereka berfikir merekalah yang berkuasa, saolah2 tidak ada yang melebehi sahingga mereka melupakan Allah Yang Maha Akbar. Dengan perasaan ujub dapatlah kita mithalkan sabagai satu kumpolan yang kuat dan ramai atau satu pasokan peperangan, oleh kerana memikirkan yang musohnya itu lemah dan senang dikalahkan sahingga mereka lupa akan kekuasaan Tohan. Dengan perasaan dengkinya, mereka selalu menghianati dan merosakkan orang lain, perasaan itu adalah amat keji disisi Ugama Islam. Yang lebeh2 ditegah oleh Islam ialah manusia merupai perbuatan binatang2 dan jauhilah diri kita daripada menjadi saperti yang dikatakan oleh Baginda tersebut.

BALU MERHUM SULTAN AHMAD TAJUDDINHILANG HAK2 ISTIMEWA DIBRUNEI

Satu Ma'lumat Kerajaan Brunei yang dikeluarkan dengan perintah dari Duli Yang Maha Mulia Sultan menyatakan bahawa gelaran "TENGGU AMPUAN NEGERI BRUNEI" yang dianugerahkan kepada Tengku Rihani, balu kepada Almerhum Sultan, Sir Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddin, dan segala hak2 istimewa serta pendapatan2 berhubung dengan gelaran itu tidaklah boleh digunakan lagi oleh Tengku Rihani, apabila ia berkahwin sekali lagi, iaitu pada bulan August tahun ini.

Almerhum Sir Ahmad Tajuddin, Sultan Brunei Yang ka 27 telah mangkat diRumah Sakit Besar, Singapura pada bulan June, 1950 dalam masa perjalanan Baginda ka England, dan samentak beberapa tahun yang lalu, Tengku Rihani, saorang Puteri kepada Almerhum Sultan Selangor, dan saorang saudara kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sekarang ini telah tinggal diMalaya.

Tengku Rihani, yang pada masa ini berusia 47 tahun telah berkahwin dengan Raja Kamaruddin bin Raja Haji Harun, berumur 38 tahun, saorang Ahli Kerabat Diraja Negeri Perak, diIstana Bukit Kota, Klang, Selangor pada 18 August yang lalu.

Perintah Diraja yang dikeluarkan tersebut adalah mengikut kepada 'Adat Isriadat Melayu yang telah dilakukan diNegeri Brunei samentak beberapa tahun yang lalu.

PEGAWAI2 KERAJAAN DILARANGKANMENGAMBIL BAHAGIAN YANG CHERGAS --DALAM PERGERAKKAN POLITIK DIBRUNEI

Dalam satu Ma'lumat yang dikeluarkan kepada Pegawai2 Kerajaan baharu2 ini, pehak Kerajaan telah memberi AMARAN melarangkan Pegawai2 Kerajaan Negeri ini daripada mengambil sebarang bahagian yang chergas dalam sebarang pergerakan politik diBrunei.

Amaran itu berbunyi bahawa sabilangan Pegawai2 rupanya tidak fahamkan sharat2 yang terkandung dalam satu Ma'lumat Kerajaan yang telah dikeluarkan beberapa bulan yang lalu dengan perintah dari Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mashuarat Negeri, melarangkan Pegawai2 Kerajaan daripada mengambil sebarang bahagian yang chergas dalam sebarang pergerakan politik, atau pun telah tidak fahamkan dengan sajelasnya kandungan Ma'lumat itu.

Ma'lumat itu berbunyi lagi bahawa adalah mustahak iaitu Perkhidmatan Awam dari sebarang negeri tidak bersangkut paut dengan hal ehwal politik, dan dengan itu, melarangkan Ahli2 Perkhidmatan Awam daripada mengambil sebarang bahagian yang chergas dalam sebarang pergerakan politik.

Bagaimana pun, perkataan 'bahagian yang chergas' itu tidaklah termasuk ahli2 biasa, tetapi adalah mengenai sebarang Pegawai yang berkhidmat sebagai Ahli Jawatan Kuasa atau menjadi saorang Ahli Jawatan Kuasa Kechil dari sebarang pergerakan politik. Pegawai itu juga dilarangkan daripada mengambil bahagian dalam perarakan2, persidangan2 dan perjumpaan menunjok perasaan, daripada membuat ucapan2, menambahkan ahli2 baharu atau pun mengutip yuran2 atau derma2, dan juga daripada memberi sebarang bantuan untuk melaksanakan dasar2 dan tujuan2 sebarang pergerakan politik.

Selanjutnya amaran tersebut menyatakan bahawa pehak Kerajaan akan menjalankan tindakan yang berpatutan kepada sebarang

Pegawai Kerajaan yang ...

Pegawai Kerajaan yang tidak menurut perintah yang dikeluarkan itu, dan juga pehak Kerajaan tidaklah akan menerima jawapan dari sebarang Pegawai Kerajaan yang menyatakan bahawa ia tidak faham akan perintah yang dikeluarkan itu.

Perintah yang dikeluarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mashuarat Negeri beberapa bulan yang lalu, dalam mana tiap-tiap Pegawai Kerajaan telah diminta untuk menurutkannya, memberi amaran bahawa:

Sasaorang Pegawai Kerajaan tidaklah boleh mengadakan sebarang mashuarat awam untuk merundingkan atas sebarang perkara yang dikeluarkan oleh Kerajaan, atau pun mengambil bahagian dalam perundingan awam yang diadakan kerana maksud itu.

Perintah itu menyebut lagi bahawa sebarang Pegawai adalah dilarang daripada menjadi saorang Ahli Jawatan Kuasa dari sebarang pergerakan politik atau memegang jawatan pertadbiran pertubuhan politik itu, atau menjalankan dengan terang atau sebalaknya sebagai saorang Wakil politik pergerakan itu atau kerana sebarang ahlinya.

Sasaorang Pegawai Kerajaan adalah dilarang juga memberi sharahan disebarang perjumpaan awam yang mengenai pergerakan itu dan juga daripada mengambil sebarang bahagian awam untuk mengembangkan dasar pertubogan politik itu.

Sasaorang Pegawai tidaklah boleh menjadi pembahagi siaran2 politik atau semboyan atau menanda tangan kapada sebarang aduan mengenai tindakan atau chadangan pehak Kerajaan.

MENTERI2 DAN POLITIK BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan, melalui Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri telah mengeluarkan satu perintah melarang kesemua Wazir2, Chatria2 dan Menteri2 daripada menjadi ahli2 sebarang persekutuan atau pertubuhan yang berdasarkan politik.

Ketetapan ini telah dipersetujukan dalam satu mashuarat Penasehat2 'Adat Istiadat Negeri yang telah dilangsungkan di-Lapau, Bandar Brunei pada 29 October yang lalu.

Perintah itu telah melarang bahawa barang siapa yang melanggarnya akan diluchutkan daripada jawatan masing2 dan juga daripada gelaran2 dan pendapatan berhubong dengan jawatan2 tersebut.

TINDAKAN KAPADA PEGAWAI2 UGAMA

Samantara itu, Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri telah mengeluarkan satu Hukuman Diraja dari Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mashuarat Ugama, melarang sebarang Pegawai Ugama daripada menjadi ahli sebarang pergerakan politik.

Duli Yang Maha Mulia perchaya bahawa untuk menyelamatkan pengajaran Ugama Islam diBrunei daripada bersangkut paut dengan sebarang pergerakan politik, adalah sangat mustahak bahawa tidaklah boleh sasaorang Pegawai Ugama Islam, Guru2 Ugama Islam atau sebarang ahli dari Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri mengambil sebarang bahagian yang chergas dalam sebarang pergerakan atau persekutuan yang berdasarkan politik, atau menjadi ahli pergerakan atau persekutuan itu. Barang siapa yang melanggar Hukuman Diraja tersebut akan dipechatkan dari jawatan masing-masing.

LANTEKAN BAHARU PEGAWAI2 KERAJAAN NEGERI BRUNEI

Mr. M.J. Caldwell telah dilantek sebagai Juru-tera Ayer, Brunei mulai dari 13 September, 1956.

Miss E.M. Ward telah dilantek sebagai seorang Nursing Sister di Rumah Sakit Kerajaan di Bandar Brunei mulai dari 19 September, 1956.

Pengiran Omar Ali bin Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, bekas Pegawai di Pejabat Tanah, Bandar Brunei, yang telah memegang jawatan Pemangku Juru Iring kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, pada masa Inche' Abbas bin Haji Ibrahim, Juru Iring kepada Baginda berangkat ka England kerana mempelajari Kursus Per-tadbiran sedikit hari dahulu, pada masa ini sedang menjalankan satu pekerjaan yang khas di Istana Darul Hana sahingga akhir tahun ini.

Mr. D.B. McGilligan, yang telah memegang jawatan sebagai Timbalan Penasehat Undang2, Brunei pada masa percutian Mr. G. V.C. Young, telah berhenti memegang jawatan itu mulai dari 28 September, 1956.

Mr. G.V.C. Young telah mulai memegang jawatannya semula sebagai Timbalan Penasehat Undang2, Brunei mulai dari 7 October, 1956.

Mr. S.J. Clark telah dilantek memegang jawatan sebagai Pegawai Pembahagian Barang2 dan juga sebagai Pengawas Gudang2 Kerajaan Brunei mulai dari 15 October, 1956. Beliau telah menggantikan jawatan2 Mr. J.S. Montgomery yang telah bersara selepas berkhidmat selama beberapa tahun di Negeri ini.

Mr. B.R.P. Edwards, Officer-in-Charge Police District, bagi Daerah Belait telah dilantek menjalankan pekerjaan Mr. T.F. Stone sebagai salah seorang daripada Pegawai2 Police yang berkuasa untuk menerima dan mendaftarkan penyata dalam masa menjalankan penyiasatan Police. Mr. T.F. Stone ialah bekas Officer-in-Charge Police District, Belait.

Mr. S.D. Buckingham telah dilantek menjadi Penolong Controller of Telecommunications, Brunei mulai dari 8 October, menggantikan jawatan Mr. M. Steel yang telah berhenti dari jawatan itu mulai dari 17 September, 1956.

Inche' Sunny bin Ahmat telah dilantek sebagai Penolong Controller of Labour, Brunei mulai dari 20 October, 1956. Beliau telah menjadi Pegawai Daerah Seria pada satu masa dahulu sebelum ditukarkan ka Bandar Brunei. Adalah difahamkan bahawa Inche' Sunny akan memegang jawatannya yang baharu itu sahingga masa Controller of Labour, Brunei yang pada masa ini sedang menyempurnakan chuti panjang, menjawat jawatannya itu semula.

Tuan Haji Othman bin Haji Mohamed Sa'id telah dilantek sebagai Pengelola Sekolah2 Ugama Negeri Brunei mulai dari 18 October, 1956. Beliau ialah seorang bekas Pegawai dari Pejabat Ugama Negeri Johore, dan pada masa ini sedang mengetuai 9 orang Guru2 Ugama dari Malaya yang telah tiba di Brunei untuk mengajar pelajaran Ugama Islam di Sekolah2 Melayu dan Inggeris di Negeri ini.

PENDAFTARAN SHARIKAT2 YANG BAHARU DIBRUNEI

Pegawai Pendaftaran Pertubohan2 Negeri Brunei telah meluluskan pendaftaran 2 buah persekutuan2 yang baharu, iaitu Kedai Iktisad Kampong Pekan Lama, Brunei; dan P.W.D. Workshop Sports Club, Brunei.

JAWATAN KUASA PENGADILAN MAJLIS UGAMA NEGERI BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan, telah dengan sukachitanya melantek beliau2 dibawah ini menjadi Jawatan Kuasa Pengadilan Majlis Ugama, dibawah Undang2 Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei, 1955:

Ahli2 biasa: Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar dan Pengiran Kerma Indra Mohamed.

Ahli2 tambahan: Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; dan Pehin Udana Khatib Haji Metassim.

Duli Yang Maha Mulia Sultan telah melantek 9 orang sebagai Ahli2 Jawatan Kuasa Undang2 Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri, dibawah Undang2 tersebut juga saperti berikut:

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Pengiran Haji Mohamed Salleh bin Almerhom Pengiran Anak Haji Mohamed (Chief Kathi Brunei); Abang Razalli bin Haji Zainuddin (Kathi Belait); Pehin Dato' Imam Abang Abu Bakar; Pehin Tuan Imam Haji Sa'ad; Tuan Haji Othman bin Haji Mohamed Sa'id; Pehin Khatib Metalli; Inche' Ahmad Marzukki bin Haji Sirat; dan Awang Omar bin Randah.

JULONG2 PERKHIDMATAN KAPAL TERBANG "DAKOTA" MENDARAT DIBRUNEI

Julong2 kapal terbang "Dakota" kepunyaan Sharikat Malayan Airways Limited untuk mulai menjalankan perkhidmatan penerbangan diantara Brunei dan tahah besar, menghubungkan Jesselton, diBorneo Utara; Sibul dan Kuching, diSarawak; dan Singapura telah mendarat diPadang Kapal Terbang Brunei pada pagi hari Khamis 1 November, 1956.

"Dakota" itu bernama "Hawk", telah dipandu oleh Captain J. Bates. Sabelum mendarat, kapal terbang itu telah melintas beberapa kali diatas Padang Kapal Terbang itu. Ia telah membawa seramai 15 orang penumpang2, mengandongi 13 orang ka Brunei, saorang penumpang yang hendak pergi ka Kuching dan saorang lagi ka Singapura.

Satu perhimpunan yang ramai telah kelihatan diPadang Kapal Terbang itu pada masa tersebut, diantaranya ialah beberapa orang Pegawai2 Kerajaan, iaitu British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White; Controller of Civil Aviation, Mr. E.R. Bevington; Penyimpan Wang Negeri, Mr. E.W. Cousens; Penolong Resident Brunei, Mr. D.L. Bruen; dan Controller of Telecommunications, Pengiran Kerma Indra Mohamed.

Satelah mengisi minyak daripada sabuah kereta yang telah dibawa khas ka Brunei untuk kegunaan kapal terbang itu, maka kapal terbang itu telah berangkat ka Singapura, melalui Sibul dan Kuching satengah jam kemudian, dengan membawa 13 orang penumpang2, iaitu 4 orang ka Sibul, 3 orang ka Kuching dan 6 orang ka Singapura.

HARGA2 BUAH ENKABANG DAN LADA

Controller of Customs, Brunei telah menetapkan harga2 Buah Engkabang (atau Buah Kawang) dan Lada untuk kegunaan mengutip cukai mulai dari 29 October, 1956, iaitu: Lada Putih \$ 93.61 sapikul; Lada Hitam \$ 67.45 sapikul; dan Buah Engkabang \$ 30.75 sapikul.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No. 17)

Mana2 perempuan yang dengan sengkaja tidak mahu menurut sebarang perintah yang dibuat oleh suaminya mengikut Hukum Shara' akan bersalah: Hukoman denda \$ 10, atau didalam perkara kesalahan itu berlaku bagi kali yang kedua, atau pun berulang2, maka ia akan dihukom penjara ringan selama 7 hari atau denda \$ 50.

Mana2 orang lelaki Islam yang didapati bergurau senda dan berhampiran yang mendatangkan shak dengan seorang perempuan walaupun pun perempuan itu beragama Islam atau tidak, selain daripada seorang perempuan yang ditegah diatasnya, bernikah mengikut Hukum Shara' oleh kerana adek beradek, sadaging sadarrah atau lain, hendaklah menjadi salah kerana berkhualat: Hukoman penjara selama sabulan atau pun denda saratus ringgit, atau didalam perkara kesalahan itu berlaku bagi kali yang kedua atau berulang2, dengan penjara selama dua bulan atau denda dua ratus ringgit.

Mana2 orang perempuan Islam yang bersababat pada melakukan kesalahan berkhualat yang boleh dihukomkan dibawah perkara tersebut akan bersalah: Hukoman penjara ringan selama empat belas hari atau denda sebanyak lima puluh ringgit; atau didalam perkara kesalahan itu berlaku bagi kali yang kedua atau berulang2 dengan penjara ringan selama satu bulan atau denda sebanyak saratus ringgit.

Sebarang orang perempuan Islam jika didapati bergurau senda dan berhampiran yang mendatangkan shak dengan mana2 laki2 yang bukan Islam hendaklah dihukomkan dengan sama jalannya seperti yang tersebut.

Mana2 orang yang telah mencherai isterinya menurut Undang2 telah balek baik pula dengan isterinya dengan tidak merojok menurut Undang2 akan bersalah: Hukoman penjara selama sabulan atau dengan denda sebanyak saratus ringgit; atau sakiranya itu tidak tahu pada masa laki itu balek baik dengannya yang ia itu telah dicheraai, hendaklah dihukomkan dengan penjara selama dua bulan atau dengan denda sebanyak dua ratus ringgit.

Mana2 perempuan yang bersababat dengan mana2 kesalahan yang boleh dihukomkan dibawah perkara tersebut akan bersalah: Hukoman penjara kerja ringan selama tujuh hari atau denda sebanyak dua puluh lima ringgit.

Barang siapa yang bersetuboh dengan mana2 orang yang silaki2 atau perempuan itu tahu atau sebab2 boleh perchaya yang silaki2 atau perempuan itu ditegahkan bernikah oleh Ugama Islam, akan bersalah: Hukoman bagi orang laki2, penjara selama lima tahun; dan orang perempuan, penjara selama satahun.

Melainkan dalam perkara yang tersebut, maka barang siapa yang didapati salah kerana bersetuboh yang haram, walau pun pehak yang satu lagi itu beragama Islam atau tidak, akan bersalah: Hukoman penjara selama 6 bulan atau pun denda sebanyak lima ratus ringgit.

Barang siapa yang tertanggung diatasnya pada memberi tahu kepada pendaftar darihal mana2 nikah atau cherai dengan sengkaja lalai atau mungkir daripada memberi tahu perkara itu akan bersalah: Hukoman denda sebanyak saratus ringgit.

Barang siapa yang menjadi tanggungannya pada memberi tahu kepada pendaftar darihal mana2 perkahwinan atau cherai dan apakala dikehendakki oleh pendaftar itu memberi apa-apa kenyataan atau membuat atau menanda tangan mana2 surat mengikut Undang2 mustahak bagi maksud pendaftaran itu, dengan sengkaja lalai atau mungkir menurut kehendak itu akan bersalah: Hukoman denda sebanyak dua puluh lima ringgit.

(B E R S A M B O N G)

MA'LUMAT YANG KHAS KAPADA BAKAL2 JEMA'AH2 HAJI

Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri telah menerima khabar daripada Pegawai-yang-Menjaga hal ehwal Jema'ah2 Haji diPejabat Kedutaan British diJeddah bahawa Kementerian Luar Negeri Saudi Arabia telah meminta kapada bakal2 jema'ah2 Haji, iaitu janganlah mereka membawa bersama2, barang2 yang banyak yang tidak mustahak pada masa mereka berangkat ka Tanah Suci pada tahun hadapan.

Kementerian Luar Negeri Saudi Arabia telah menasihatkan bahawa bakal2 jema'ah2 Haji hendaklah membawa hanya dengan sabera sedikit sahaja barang2 yang perlu digunakan dalam masa pelayaran mereka itu.

Ma'lumat itu menambah-kata, bahawa bakal2 jema'ah2 Haji hendaklah menulis dengan terang diatas bungkusan2 mereka, nama2 dan alamat2 masing2, dan juga chara2 kenderaan yang akan digunakan bagi membawa barang2 mereka itu, supaya dapatlah barang2 itu tiba ditempat yang ditunjukkan diSaudi Arabia.

WAKTU MENGIRIMKAN SURAT2 UDARA DIPEJABAT2 POST

Mulai dari 1 November, 1956 waktu yang akhir sekali bagi mengirinkan surat2 udara diPejabat2 Post Bandar Brunei, Seria, dan Kuala Belait adalah saperti berikut:

Bandar Brunei

Surat2 udara untok Labuan, Borneo Utara, Sibu, Kuching dan Singapura: Pada tiap-tiap hari Ithnin, Rabu dan Sabtu, pukul 8.15 pagi. Surat2 udara untok Sibu, Kuching dan Singapura sahaja pada pukul 9.00 pagi tiap-tiap hari Thalatha, Khamis dan Juma'at. Surat2 udara untok Singapura pada tiap-tiap hari Rabu sekali lagi pada pukul 12.00 tengah hari.

Surat2 udara untok Kuala Belait dan Seria: Pada tiap-tiap hari Ithnin, Rabu dan Khamis pada pukul 12.00 tengah hari. Pada tiap-tiap hari Thalatha dan Juma'at pada pukul 4.00 petang.

Surat2 udara untok Borneo Utara pada tiap-tiap hari Thalatha dan Sabtu pada pukul 12.00 tengah hari. Pada hari2 Khamis dan Juma'at pada pukul 3.00 petang.

S e r i a

Surat2 udara untok Sibu, Kuching dan Singapura: Pada tiap-tiap hari Ithnin, Thalatha, Rabu, Khamis, Juma'at dan Sabtu pada pukul 11.00 pagi.

Surat2 udara untok Bandar Brunei, Labuan dan Borneo Utara: Pada tiap-tiap hari Ithnin dan Rabu pada pukul 4.00 petang: Pada tiap-tiap hari Thalatha, Khamis dan Juma'at pada pukul 11.00 pagi; dan pada hari Sabtu pada pukul 12.00 tengah hari.

Kuala Belait

Surat2 udara untok Sibu, Kuching, Singapura, Labuan dan Borneo Utara: Pada tiap2 hari Ithnin, Thalatha, Rabu, Khamis dan Juma'at pada pukul 4.00 petang. Pada hari Sabtu pada pukul 12.00 tengah hari.

Surat2 udara untok Bandar Brunei: Pada tiap-tiap hari Ithnin, Thalatha, Rabu, Khamis, Juma'at dan Sabtu pada pukul 12.00 tengah hari. Pada tiap-tiap hari Thalatha dan Juma'at sekali lagi pada pukul 4.00 petang.

Adalah diperingatkan bahawa surat2 udara yang dikirinkan dengan sechara "registered" akan diterima ditiap-tiap pejabat tersebut tidak lewat dari satengah jam daripada masa yang telah ditetapkan; manakala "parcels" dan "money orders" akan diterima dipejabat2 itu tidak lewat dari sajam daripada masa yang telah ditetapkan itu.